



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, Ahad 10 Disember 2023.

Untuk Terbitan Media

10 Disember 2023

## **SIARAN MEDIA**

### **PERKESO DIGODAM: FORENSIK TELITI ELEMEN JENAYAH KOMERSIAL**

### **ALERT: PIHAK BERKUASA BERPUAS HATI 4 LANGKAH PERKESO**

**KUALA LUMPUR:** Siasatan forensik, termasuk dakwaan pembabitan pihak tertentu di sebalik serangan siber terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang giat dijalankan.

Pada masa sama, usaha pasca krisis turut meliputi pengemaskinian kelancaran operasi semua sistem PERKESO, demi memastikan kebajikan kira-kira 573,000 penerima faedah yang direkodkan di seluruh negara ketika ini sentiasa terjamin.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pihaknya mengadakan perbincangan dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), kelmarin.

Katanya, perbincangan bersama pihak berkuasa itu bertujuan memperhalusi langkah-langkah diambil PERKESO, mencakupi empat perkara utama dalam menghadapi serangan siber yang dikesan bermula pada sekitar jam 7 petang, 12 Disember lalu.

“Empat perkara ini merangkumi pengaktifan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP); pengukuhan sistem komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) PERKESO; melakukan siasatan forensik dalaman serta pelaksanaan pelan komunikasi.

“Ketika ini, pihak berkuasa berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil PERKESO, namun tindakan susulan dan berterusan akan terus dilaksana dengan

kerjasama rapat pihak berkuasa dari semasa ke semasa”

“Selain itu, mesyuarat dengan MKN bersetuju untuk melakukan laporan polis sebaik hasil siasatan forensik dalam mendapati ada elemen jenayah komersial,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dr. Mohammed Azman berkata, butiran lanjut berhubung data yang didakwa dicuri dan dipaparkan di laman sesawang gelap (*dark web*) bagaimanapun belum boleh diperincikan kerana tertakluk kepada proses siasatan.

“Jaminan saya, siapa pun penggodam yang menjadi dalang di sebalik serangan siber ini akan diheret ke muka pengadilan kerana PERKESO tidak akan berkompromi dalam soal perlindungan data peribadi yang dijadikan kepentingan utama demi negara.

“PERKESO juga akan terus memperkuuh infrastruktur ICT dari semasa ke semasa, dengan panduan daripada NACSA, MKN dan agensi berkaitan serta amalan terbaik bagi memastikan tiada kelomongan sistem untuk dimanipulasi oleh anasir penggodam pada masa kini serta akan datang.

“Sementara itu, komitmen PERKESO ke arah menyalurkan bantuan dan faedah kepada kira-kira 573,000 penerima di seluruh negara setakat ini akan sentiasa diberi penekanan utama,” katanya.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 DISEMBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Mohd Wazid Zaidon**  
**+6017-619 3181**  
**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**